



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Bahasa **Unleashing Potentials**
Shaping the Future

E-ISSN: 2682-7948

Buletin APB

EDISI 11

NOVEMBER 2023

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN





Lawatan Ilmiah Pelajar-Pelajar Berdaftar Kod TAC401, TAC451 dan TAC501 Ke Nasyrul Quran Complex Putrajaya

MOHD ISLAH MOHD YUSOF, NUR HAKIMAH MD. SALLEHUDDIN & KAMARUZAMAN ZALI @ GHAZALI
UiTM KAMPUS SEREMBAN

Satu lawatan akademik ke Nasyrul Quran Complex Putrajaya anjuran Kelab Nadi Bahasa Arab telah dijalankan pada 6 Mei 2023 (Sabtu), bermula dari jam 9.30 pagi sehingga 12 tengah hari. Seramai 32 orang pelajar dan 4 orang pensyarah telah terlibat di dalam lawatan ini. Seluruh ahli jawatankuasa Kelab Nadi Bahasa Arab telah memberi komitmen yang baik dengan kerjasama pensyarah-pensyarah Bahasa Arab dalam menjayakan program yang juga merupakan julung kali diadakan. Pihak Nasyrul Quran Complex Putrajaya juga sangat komited dan mengalu-alukan kehadiran ahli-ahli kelab dan juga para pensyarah dengan menyusun pelbagai tentatif dan aktiviti menarik sepanjang lawatan tersebut. Pelbagai pendedahan dan informasi baharu mengenai sejarah penghasilan mushaf dan al-Quran di peringkat Malaysia dan seluruh dunia, proses persiapan pembikinan mushaf turut dikongsi. Selain itu, para peserta turut dibawa ke tempat proses akhir penjilidan dan semakan mushaf, ruang koleksi mushaf seantero dunia dan juga ruang pameran. Lawatan ini diakhiri dengan pertukaran cenderahati dari kedua-dua pihak dan sesi bergambar bersama-sama.



Tujuan lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar dan pensyarah berkaitan bidang Bahasa Arab dan al-Quran secara praktikal dengan melihat sendiri proses-proses pembuatan mushaf al-quran yang dijalankan di Malaysia. Program ini juga dapat mengasah bakat dan meningkatkan nilai tambah kemahiran kepimpinan serta kemahiran pengurusan Exco tertinggi dan ahli kelab. Pengalaman pertama kali ke Nasyrul Quran ini dapat memberi pendedahan secara praktikal kepada pelajar mengenai proses pembuatan akhir dan penjilidan al-Quran, koleksi-koleksi mushaf Quran seluruh dunia. Lawatan ke kompleks ini telah memberi pengalaman dan input berguna terutamanya dari pegawai-pegawai yang mengiringi ahli kelab sepanjang lawatan ini berjalan.

Implikasi program ini diharapkan dapat menambah pengetahuan serta kefahaman peserta mengenai proses-proses dalam penghasilan senaskah Al-Quran serta memberi kesedaran akan kepentingan

mukjizat terulung agama islam ini. Peserta juga dapat membuka minda dengan pengetahuan baharu mengenai jenis-jenis tulisan yang terdapat dalam Al-Quran di negara-negara yang berbeza. Di samping itu, lawatan ini dilihat telah menyuntik semangat dalam diri peserta untuk mencintai al-Quran serta mendalami isi kandungannya.

Kesimpulannya, lawatan ini telah memberi input yang berguna serta membuka mata dan minda para peserta yang telah menghadiri. Oleh itu, program seperti ini boleh diadakan lagi pada masa akan datang dengan mumbuka penyertaan kepada pelajar-pelajar yang berdaftar selain daripada kod kursus TAC401, TAC451 dan TAC501. Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Hal Ehwal Akademik (HEA) UiTM Kampus Seremban yang telah meluluskan kertas kerja lawatan ilmiah ini bagi merealisasikan usaha ini. Semoga program sebegini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

